

**13 Jun 2012**

**Pelajar kesal isu PTPTN dipolitikkan**

**(<http://www.sinarharian.com.my/nasional/pelajar-kesal-isu-ptptn-dipolitikkan-1.56354?localLinksEnabled=false>)**

KUALA LUMPUR - Isu pemansuhan dan pembekuan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) baru-baru ini jelas memberi tempias kepada peminjam yang rata-rata tidak mahu ia berlanjutan dan menjadi mainan politik di negara ini.

Pemansuhan pinjaman PTPTN yang dicadangkan pembangkang sehingga membawa penuntut melakukan desakan menerusi demonstrasi di ibu kota pada 14 April lepas dan selanjutnya hasrat Kerajaan Pusat membekukan pinjaman PTPTN kepada Universiti Industri Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis), yang ditarik balik pada 8 Jun lepas, menimbulkan kecelaruan di kalangan pelajar, terutamanya golongan yang amat memerlukan pembiayaan pendidikan.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kuis, Mohd Firdaus Hashim berkata mana-mana parti politik di negara ini tidak wajar menjadikan isu PTPTN sebagai alat politik yang menimbulkan risiko terhadap kebajikan pelajar dalam menuntut ilmu.

"Rasionalnya isu PTPTN ini tidak perlu dipolitikkan langsung kerana sudah terbukti ia akan memberi kesan terus kepada ibu bapa dan juga pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN dalam meneruskan pengajian di peringkat tinggi.

"Saya sebagai rakyat dan pelajar berharap mana-mana pihak tidak mengambil kesempatan menggunakan isu PTPTN dan berilah anak muda seperti kami (pelajar) ini sokongan dalam menuntut ilmu yang mana akan dicurahkan kepada negara pada masa hadapan," katanya ketika dihubungi Bernama, hari ini.

Sambil melahirkan rasa syukur, Mohd Firdaus mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat yang menarik balik pembekuan pinjaman PTPTN kepada penuntut di Kuis, yang 55 peratus penuntutnya merupakan penerima pinjaman itu.

Pada 6 Jun lepas, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengesahkan PTPTN membekukan pinjaman kepada pelajar baru Unisel dan Kuis bagi menentukan keupayaan kerajaan Selangor pimpinan PKR-DAP-PAS memberikan pendidikan percuma di negeri yang ditadbir mereka.

Bagaimanapun, pembatalan pembekuan pinjaman itu ditarik balik pada 8 Jun lepas atas rayuan yang dikemukakan pihak pentadbiran Unisel dan Kuis.

Siti Nur Ain Roslan, 24, penuntut Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menganggap isu PTPTN merupakan isu yang tidak boleh dijadikan sebagai modal politik oleh mana-mana pihak.

"Menjelang pilihan raya umum, memang wujud pelbagai propaganda dan ideologi pihak-pihak

tertentu yang mana mereka ini ibarat memperdagangkan isu PTPTN yang merupakan faktor ramai golongan tidak mampu meneruskan pengajian," katanya.

Sementara itu, seorang penuntut Pengajian Islam di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), Muhammad Shafik Shahrol, 25, berkata kerajaan dan pembangkang perlu lebih matang dalam berpolitik agar tidak menyentuh dan menimbulkan risiko masa depan golongan muda (penuntut).

"Lakukan sesuatu untuk rakyat tanpa berfikir untuk menjadikannya isu sebagai modal untuk berpolitik semata-mata," katanya.

Muhammad Shafik berkata jika pinjaman PTPTN tidak wujud pada masa kini sudah pasti ramai golongan muda tidak berpeluang menuntut ilmu ekoran kos sara hidup dan yuran pengajian masa kini yang terlalu tinggi.

"Sebagai peminjam PTPTN, saya sedar kekuatan kewangan saya untuk meneruskan pengajian seperti membayar yuran semester dan duit poket adalah daripada pinjaman yang diterima dan tidak dapat saya bayangkan jika PTPTN tiada, sudah pasti saya tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian sehingga hari ini," katanya. - Bernama

